

# Semarak Ramadan UMP

## Mega kampus

**S**ERAMAI 250 pelajar dan pensyarah antarabangsa dari pelbagai negara yang menuntut dan bertugas di **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** berpeluang menikmati juadah berbuka puasa dalam Majlis Iftar Ramadan bertempat di Dewan Astaka, UMP Gambang, Pahang baru-baru ini.

Program anjuran Pejabat Antarabangsa UMP ini meneruskan tradisi meraikan pelajar dan pensyarah dari pelbagai negara untuk berpeluang berbuka puasa bersama pengurusan tertinggi universiti serta warga kampus. Majlis dimulakan dengan

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**  
kampus@utusan.com.my



bacaan ayat suci al-Quran yang dibaca oleh Ali Ahmed Zain yang merupakan pelajar jurusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Fakulti Pengurusan Industri.

Majlis diserikan dengan kehadiran, Naib Canselor UMP, **Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim** yang berbuka puasa bersama dengan pelajar dari negara Algeria, Yaman,

Iraq, India, Afganistan, China, Bangladesh dan Pakistan.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunos; Pengarah Pejabat Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim; dan Pengarah Pusat Akademik dan Kerjaya Jerman, Dr. Muhamad Mat Noor.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, setiap tahun penganjuran program ini diadakan untuk memberi peluang kepada pelajar dan pensyarah antarabangsa berbuka puasa sambil menikmati pelbagai juadah yang disediakan.

Tambahnya, cabaran berpuasa pada bulan Ramadan mengusik



**MENIKMATI** pelbagai juadah berbuka puasa.

jiwa bagi insan yang berjauhan dengan keluarga dan negara tercinta yang merupakan pengalaman sepanjang bergelar pelajar.

"Majlis ini wajar diteruskan untuk membentuk hubungan silaturahim yang erat dalam kalangan pelajar antarabangsa

daripada pelbagai negara. Malahan ia dapat menjalinkan hubungan yang baik antara pelajar dari pelbagai negara termasuk mereka yang bukan Muslim untuk merasa suasana iftar di dalam kampus,"

katanya.

Bagi pelajar Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Sains Komputer, **Mushtaq Ali**, 40, dari Pakistan menzahirkan rasa syukur dan gembira dapat berbuka puasa bersama Naib Canselor dan Pegawai Utama UMP.

"Saya amat menghargai peluang belajar di sini, walaupun merindui kampung halaman namun bertuah kerana dapat bertemu dengan masyarakat

berbilang kaum di negara ini yang begitu peramah dan mudah mesra antara satu-sama lain," katanya.

Bagi, **Amina Imu Zheng Xiaoming**, 33, dari negara China pula melahirkan perasaan gembira dapat berpeluang menyambut bulan Ramadan di Malaysia dan berpeluang mengerjakan solat sunat tarawih bersama pelajar lain.

Beliau yang sedang mengikuti program Sarjana Sains di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan berkecuali cerita mengenai kepelbagaian menu yang disediakan bukan sahaja lazat namun beraneka jenis yang disajikan semasa berbuka puasa.

Dalam pada itu, UMP turut menyediakan berbuka puasa secara percuma kepada pelajar setiap hari di Masjid UMP dengan pelbagai menu yang disediakan.



**DAING NASIR Ibrahim** (tengah) bersama pelajar antarabangsa dalam Majlis Iftar Ramadan yang diadakan di Dewan Astaka, UMP Gambang, Pahang baru-baru ini.



**PARA** pelajar antarabangsa UMP bersama menikmati solat sunat tarawih.